



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 8888 1480
8888 3381
Faks : 8888 4479

JPM.KSN. 100-2/2/5/Jld.7(161)

23 Julai 2019

Ketua Setiausaha Kementerian
Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Ketua Agensi Teknikal Luaran

PENAMBAHBAIKAN URUSAN PERMIT PEMBINAAN

Dengan hormat saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara Bil. 4/2019 telah bersetuju agar urus tadbir pengurusan pemberian permit pembinaan dipermudahkan sebagaimana langkah-langkah seperti di Lampiran. Selain itu, semua Kementerian/Jabatan/Agensi juga diminta untuk meningkatkan tahap kecekapan pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam proses ini.

3. Justeru, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diberi mandat untuk menjalankan pemantauan pelaksanaan dan keberkesanan inisiatif ini. Pihak Kementerian/Jabatan/Agensi adalah dipohon untuk memberi perhatian sewajarnya kepada pematuhan terhadap langkah-langkah yang dinyatakan dan proaktif dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien berpandukan kepada tadbir urus yang baik.

4. Kerjasama semua pihak dalam perkara ini amatlah diperlukan bagi merealisasikan inisiatif ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR)

Bsc
07-
8

Langkah-Langkah Meningkatkan Kecekapan Urusan Mendapatkan Permit Pembinaan

Langkah 1: Memansuhkan Keperluan Pra-Rundingan

Latarbelakang: Sebahagian PBT telah menjadikan pra-rundingan sebagai syarat yang perlu dipatuhi sebelum permohonan secara rasmi dikemukakan melalui kaunter Unit Pusat Setempat (*One Stop Centre - OSC*). Proses Pra-Rundingan ini adakalanya mengambil masa yang lama (3-6 bulan) yang menyebabkan kesukaran kepada Perunding untuk mengemukakan permohonan cadangan pemajuan.

Tindakan: PBT hendaklah memansuhkan Pra-Rundingan sebagai syarat bagi mengemukakan pelan-pelan berkaitan permohonan cadangan pemajuan.

Impak: Perunding boleh terus mengemukakan permohonan kepada OSC tanpa halangan walaupun tidak melalui proses Pra-Rundingan. Proses pertimbangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC akan membuat keputusan terhadap permohonan selaras dengan syarat dan keperluan serta kelengkapan permohonan yang dikemukakan.

Langkah 2: Mengubahsuai Keputusan **KELULUSAN BERSYARAT** Kepada **KELULUSAN DENGAN PINDAAN PELAN**

Latarbelakang: Amalan PBT adalah mencampur adukkan syarat-syarat pindaan atas pelan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi semasa pembinaan di dalam **KELULUSAN BERSYARAT**.

- Syarat-syarat pinda atas pelan perlu dilakukan bagi membolehkan pelan-pelan disahkan dan kelulusan dikeluarkan.
- Syarat-syarat semasa pembinaan pula berlaku selepas kelulusan dikeluarkan semasa projek dalam pembinaan.

Syarat-syarat semasa pembinaan memang tidak dapat dipatuhi semasa proses pertimbangan pelan yang menyebabkan pelan-pelan tidak dapat disahkan dan kelulusan lewat dikeluarkan.

Tindakan:

Keputusan **KELULUSAN BERSYARAT** dari Mesyuarat Jawatankuasa OSC hendaklah digugurkan dan digantikan dengan **KELULUSAN DENGAN PINDAAN PELAN**

Impak:

KELULUSAN DENGAN PINDAAN PELAN mengkehendaki Perunding meminda pelan-pelan bagi memastikan ianya bersedia untuk disahkan dan seterusnya kelulusan boleh dikeluarkan.

Langkah 3:

Memastikan Pengeluaran Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) Seajar Dengan Keperluan Peraturan

Latarbelakang:

Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) hanya menyatakan enam jabatan teknikal yang perlu mengeluarkan surat pengesahan siap kerja bagi membolehkan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan. Walau bagaimanapun, terdapat jabatan-jabatan yang tidak tertakluk di bawah Akta 133 yang turut menetapkan surat pengesahan siap kerja diperlukan. Ini menyebabkan berlakunya kelewatan mendapatkan surat pengesahan siap kerja dan CCC lewat dikeluarkan.

Tindakan:

Senarai Semak Pengeluaran CCC yang ditetapkan oleh PBT hendaklah selaras dengan kehendak undang-undang.

Impak:

Syarat-syarat tambahan yang tidak termaktub di bawah undang-undang tidak lagi menyekat Perunding mendapatkan surat pengesahan siap kerja dan boleh terus mengeluarkan CCC apabila telah mematuhi perkara-perkara yang ditetapkan dalam undang-undang.